


PT3

03 **PERSONALITI**
Aktif sukan wudo, wushu

12 **MATEMATIK**
Indeks

15 **SEJARAH**
Peningkatan Tamadun Yunani dan Rom



BH MINDA

bhminda@bh.com.my

SELASA

21

02

2017

PERPUSTAKAAN GEMILANG



**Membimbing
Ke Arah
Kemahiran
Berfikir Aras
Tinggi
(KBAT)**

13A
21/2/17
mls-1

• Lokasi tumpuan pelajar, sedia koleksi bahan bacaan terkini

Ruang yang kemas, bersih dan ceria menjadi antara tarikan utama kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) USJ 13, Subang Jaya, Selangor, untuk berkunjung ke perpustakaan

sekolah berkenaan.

Tambah menarik, semua koleksi bahan bacaan yang disediakan di Perpustakaan Gemilang sekolah berkenaan adalah terkini mengikut tahap kesesuaian pelajar.

Wartawan **BH MINDA**, Puan Maria Uffa Zulkafleri berpeluang menemu bual Guru Perpustakaan dan Media SMK USJ 13, Puan Siti Suriyati Ab Hamid untuk berkongsi mengenai tarikan Perpustakaan Gemilang

sebagai tempat yang kondusif untuk pelajar mengulang lagi pelajaran dan sebagainya.

• Lihat muka M2

Perpustakaan ceria selesa

info.

Perpustakaan Gemilang

- Berusia 17 tahun
- Mempunyai 19,323 buku fiksyen dan bukan fiksyen
- Lebih 300 pelajar mengunjungi perpustakaan setiap hari
- Dibuka dari Isnin hingga Jumaat bermula jam 7.20 pagi hingga 6.50 petang
- Boleh memuatkan 80 pelajar pada satu masa



Pelajar mengulang kaji pelajaran di perpustakaan.

redaksi

PENGARANG URUSAN
KUMPULAN NSTP
Datuk Abdul Jalil Hamid

PENGARANG KUMPULAN BH
Datuk Mahfar Ali

TIMBALAN PENGARANG
KUMPULAN BH
Datuk Badrulhisham Othman

Rosli Safar

PENGARANG EKSEKUTIF
BERITA / RENCANA / DIGITAL
Datuk Ahmad Zaini
Kamaruzzaman

PENGARANG BERSEKUTU
BH2 / MINGGUAN
Azhar Abu Samah

PENGARANG PENDIDIKAN
Fadzlena Jafar

PENGARANG BERITA PENDIDIKAN
Ridzuan Yop
Mohd Feroz Abu Bakar

PENOLONG KETUA PENYUNTING
Rosdi Ismail

PENOLONG PENGARANG BERITA
PENDIDIKAN
Syuhada Choo Abdullah
Mohd Zin Mohd Ali

PENOLONG EDITOR GRAFIK
& REKA LETAK
Ismady Md Yusof

WEBMASTER PENDIDIKAN
Shuhazmir Selamat

EKSEKUTIF PENTADBIRAN
Norhayati Yahya

PENYUNTING EKSEKUTIF
Muhammad Fakhri Alias
Rusnita Pechok

WARTAWAN
Maria Uffa Zulkafeli

ARTIS EKSEKUTIF
Muhammad Waliyuddin
Khadlan
Mariyathul Kabtayah Ree
Mohd Zainudin Ismail

ILUSTRATOR
Khairul Anuar Md Nor (Yon)
Mohd Kahirol Nizam Roslan

PENGKILANAN
TEL: 1 300 22 6787
BERITA HARIAN
TEL: 1 300 22 6787
FAKS: 603 2056 7081

LANGGANAN
Nadza Affendi
JABATAN PENGEDARAN DAN JUALAN
AKHBAR NSTP 31, JALAN RIONG,
59100 KUALA LUMPUR

E-mel atau surat ke alamat:
bhinda@bh.com.my atau
Balai Berita,
31, Jalan Riong, 59100,
Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

bhpendidikan

bhpendidikan

Suasana kondusif, kemudahan disediakan menjadi daya tarikan

BH
21/2/17
mls 2

Oleh **Maria Uffa Zulkafeli**
maria.uffa@bh.com.my

Subang Jaya

Kehadiran pelbagai koleksi buku fiksyen dan bukan fiksyen yang terbaharu pada setiap tahun membuatkan ramai pelajar SMK USJ 13 tertarik untuk mengunjungi Perpustakaan Gemilang sama ada pada waktu pagi, rehat atau selepas tamat waktu persekolahan sesi pagi.

Perkara itu diakui Guru Perpustakaan dan Media sekolah berkenaan, Puan Siti Suriyati Ab Hamid, yang bertanggungjawab memastikan operasi Perpustakaan Gemilang sentiasa berada pada tahap memuaskan seiring dengan keperluan pelajar dan guru.

Beliau berkata, pihaknya berusaha mengemas kini buku dan bahan bacaan dari semasa ke semasa dengan setiap buku baharu dibeli selepas mengambil kira pandangan guru, pelajar dan pengawas pusat sumber.

"Semua koleksi buku sama ada buku fiksyen, bukan fiksyen dan bahan rujukan ditambah supaya

selari dengan perubahan yang berlaku dalam sukatan pelajaran serta mengikut keperluan semasa.

Ceria dan selesa

"Ini bagi memastikan setiap buku dan bahan bacaan yang terdapat di Perpustakaan Gemilang dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh pelajar untuk kegunaan pembelajaran mereka," katanya kepada **BH MINDA**, baru-baru ini.

Puan Siti Suriyati berkata, selain koleksi buku terkini, suasana kondusif yang diwujudkan sama ada dari segi susun atur bahan bacaan sehinggalah kepada kemudahan yang disediakan juga menjadi antara daya tarikan Perpustakaan Gemilang.

Katanya, perpustakaan bertema yang diperkenalkan terutama mengikut musim perayaan sesuatu kaum mampu menarik minat pelajar kerana kelihatan ceria serta selesa untuk mengulang kaji pelajaran atau membaca.

"Mereka juga boleh menggunakan kemudahan komputer yang disediakan untuk mengakses internet bagi keperluan tugas sekolah selain menjadi

lokasi tumpuan menjelang musim peperiksaan kerana suasanaanya membolehkan mereka fokus untuk mengulang kaji pelajaran masing-masing," katanya.

Minggu Pusat Sumber

Puan Siti Suriyati berkata, pihaknya turut menganjurkan Minggu Pusat Sumber dengan pelbagai aktiviti menarik setiap tahun untuk menarik minat pelajar, selain menambah dana kewangan bagi keperluan Perpustakaan Gemilang.



Pelajar memilih buku di perpustakaan.

Katanya, tahun lalu, aktiviti penjualan makanan yang dikendalikan pihaknya berjaya mengumpul RM5,000 dengan hasilnya digunakan untuk dekorasi dan melukis mural di luar perpustakaan berkenaan.

"Selain koleksi bahan bacaan, saya yakin keceriaan perpustakaan menjadi tarikan utama pelajar ke sini," katanya yang berharap dapat menyertai pertandingan pengurusan pusat sumber cemerlang pada peringkat daerah seterusnya ke peringkat lebih tinggi pada masa hadapan.

Interaktif



Saya sering menggunakan buku rujukan di perpustakaan untuk menyiapkan tugas sekolah yang diberikan oleh guru"

Ellya Nabila Maisara Rohaizad, 14
Pelajar SMK USJ 13



Pelbagai jenis buku dan bahan bacaan seperti buku rujukan dan buku cerita yang terdapat di sini menarik minat saya untuk mengulang kaji pelajaran di perpustakaan"

Ling Zi Yi, 15
Pelajar SMK USJ 13